

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqa Family Takaful Berhad ("Pengendali Takaful" / "Kami")
<b>Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai CREDIT LEVEL TERM TAKAFUL. Anda juga diminta untuk membaca terma-terma dan syarat-syarat amnya.</b>	<b>CREDIT LEVEL TERM TAKAFUL</b>
	<b>&lt;Date&gt;</b>

#### 1. Apakah ciri-ciri produk ini?

Pelan Credit Level Term Takaful (CLTT) merupakan pelan perlindungan. CLTT akan membayar kepada peserta jumlah yang dilindungi bagi melunaskan jumlah pembiayaan tertunggak, sekiranya orang yang dilindungi meninggal dunia atau mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal (HUMK) semasa tempoh perlindungan.

#### 2. Apakah konsep-konsep Shariah yang digunakan?

Tanggungjawab untuk membayar sumbangan dan menerima manfaat adalah berdasarkan konsep Tabarru'. Tabarru' membolehkan peserta untuk memenuhi tanggungjawab bantuan dan jaminan bersama.

Kami dilantik sebagai Pengendali Takaful di bawah struktur Wakalah di mana Peserta melantik Kami untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan menguruskan Dana Risiko Peserta (DRP). Peserta juga bersetuju untuk membenarkan Kami untuk mewakilkan hak-hak, tanggungjawab dan kewajipan-kewajipan Kami kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang Kami anggap sesuai untuk tujuan mencapai objektif untuk mengurus dan melabur DRP, dengan syarat bahawa, dengan perwakilan sedemikian, Kami akan kekal bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan tersebut terhadap Peserta. Struktur Wakalah adalah hubungan agensi antara dua pihak di mana fi Wakalah dibayar kepada Kami untuk menanggung kos pengedaran dan pengurusan pelan.

Sumbangan tunggal ditolak fi Wakalah akan disalurkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP). Lebihan pengunderitan daripada DRP akan diagihkan berdasarkan polisi lebihan yang diluluskan oleh jawatankuasa Syariah Kami. 50% daripada lebihan agihan akan dikongsi di antara orang yang dilindungi yang sijil takafulnya masih berkuat kuasa dan tidak pernah membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Baki 50% lagi akan dibayar kepada Kami untuk mengendali dan menguruskan DRP, berdasarkan kontrak Jua'lah. Jua'lah adalah kontrak upah yang menentukan atas pengagihan perkongsian lebihan.

Perkongsian lebihan yang diagihkan kepada orang yang dilindungi adalah terkumpul dalam dana berasingan. 85% daripada keuntungan pelaburan ke atas dana berasingan akan dikongsi di kalangan orang yang dilindungi yang mana sijil takafulnya masih berkuat kuasa dan 15% akan dibayar kepada Kami berdasarkan kontrak Mudarabah. Mudarabah ialah kontrak yang dipersetujui di antara Kami dan orang yang dilindungi untuk keuntungan dan kerugian pelaburan. Dana berasingan tersebut akan dibayar bersama dengan manfaat, pada tarikh tamat tempoh sijil takaful, atau diminta of orang yang dilindungi kepada Kami dan peserta pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh sijil takaful dan amaun yang diminta adalah sekurang-kurangnya RM500.

#### 3. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

CLTT akan membayar jumlah yang dilindungi apabila berlaku kematian atau HUMK terhadap orang yang dilindungi, sepanjang tempoh perlindungan. Manfaat HUMK akan tamat pada hari lahir yang ke-64 orang yang dilindungi.

Untuk kami menilai HUMK, kehilangupayaan tersebut mestilah kekal dalam tempoh sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh HUMK, kecuali bagi kes Andaian HUMK\* yang mana HUMK boleh dinilai oleh kami dengan segera.

Bagi manfaat HUMK, amaun maksimum yang perlu dibayar bagi HUMK ke atas semua sijil adalah terhad kepada RM2 juta. Bayaran HUMK merupakan suatu amaun tunggal, kecuali untuk andaian yang bukan HUMK\* dan jika jumlah agregat yang dilindungi bagi HUMK orang yang dilindungi melebihi RM1 juta, di mana manfaat HUMK dibayar melalui dua ansuran:

- 1) Ansuran pertama di bawah sijil takaful akan ditentukan seperti jumlah pembayaran pertama ke atas semua sijil adalah RM1 juta; dan
- 2) Ansuran kedua merupakan baki liabiliti yang diterima dan akan dibuat 12 bulan selepas bayaran ansuran yang pertama.

\*Andaian HUMK ialah hilang dua anggota badan, hilang penglihatan pada kedua-dua belah mata, atau hilang satu anggota badan dan hilang penglihatan pada sebelah mata.

*Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Kami atau PIDM (lajari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).*

#### 4. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?

Anggaran sumbangan tunggal yang perlu dibayar oleh anda ialah RM <[Sumbangan Tunggal](#)>. Sumbangan tunggal ini dan terma dan

syarat sijil mungkin berbeza bergantung kepada penilaian kami terhadap kesihatan anda, pekerjaan dan maklumat lain yang harus anda dedahkan dalam permohonan anda.

##### 5. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Fi Wakalah akan dibayar kepada Kami bagi tujuan menanggung kos pengedaran dan pengurusan pelan ini.

Fi Wakalah seperti yang berikut:

Tahun Sijil	Fi Wakalah Tetap	Fi Wakalah yang Berubah (% daripada sumbangan tunggal, selepas penolakan Fi Wakalah Tetap)
1	RM150	25%
2 ke atas	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan

##### 6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya tahu?

- Anda dikehendaki menyatakan sepenuhnya dan dengan tepat semua maklumat yang relevan yang anda tahu ianya adalah relevan kepada keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai. Jika tidak, ia akan mengakibatkan sijil diketepikan, tuntutan tidak dibayar, atau terma dan syarat sijil diubah.
- Sekiranya 2 orang yang telah dinamakan sebagai orang yang dilindungi perkongsian bersama, manfaat akan dibayar apabila salah seorang daripada mereka meninggal dunia atau mengalami HUMK. Perlindungan takaful bagi orang yang dilindungi perkongsian bersama yang masih hidup secara automatik akan terhenti.
- Sekiranya lebih daripada seorang orang yang dilindungi perkongsian bersama meninggal dunia atau mengalami HUMK pada hari yang sama, manfaat kematian dan HUMK akan dibayar untuk nama pertama seperti yang dinyatakan di dalam sijil takaful.
- Anda harus memastikan bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu untuk membayar sumbangannya.
- Anda berhak untuk membatalkan sijil takaful dengan memberikan arahan bertulis kepada kami dalam tempoh 15 hari selepas sijil takaful telah diterima oleh anda. Kami akan mengembalikan sumbangan tunggal yang telah diterima ditolak kos pemeriksaan perubatan yang ditanggung. Sijil takaful ini dianggap telah diterima oleh kami pada tarikh ia dihantar sendiri, atau pada tarikh ia diposkan kepada kami jika dihantar melalui pos berdaftar atau pada tarikh transmisi jika sijil ini dihantar secara elektronik.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil takaful untuk terma-terma dan syarat-syarat terperinci.

##### 7. Apakah pengecualian utama di bawah sijil ini?

###### a. Membunuh diri

Sekiranya orang yang dilindungi membunuh diri, ketika waras:

- Pada tahun pertama selepas tarikh permulaan sijil takaful, kami akan mengembalikan sumbangan tunggal yang telah dibayar.
- Selepas tahun pertama dari tarikh permulaan sijil takaful, jumlah yang dilindungi akan dibayar.

Sekiranya orang yang dilindungi membunuh diri ketika tidak waras, jumlah yang dilindungi akan dibayar.

Tiada manfaat akan dibayar jika berlaku kematian pada tahun pertama disebabkan oleh keadaan perubatan, yang wujud sebelum atau pada tarikh permulaan sijil takaful. Ini hanya terpakai kepada sijil penerimaan auto.

###### b. HUMK

Bagi manfaat HUMK, tiada manfaat akan diperuntukkan bagi kejadian berikut yang berlaku secara langsung atau tidak langsung:

- Kecederaan diri sendiri yang disengajakan atau cubaan membunuh diri, ketika waras;
- Penyertaan di dalam sebarang jenayah atau menyalahi undang-undang atau mogok;
- Penyertaan dalam sukan atau aktiviti berbahaya;
- Penyertaan dalam sebarang bentuk penerbangan kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang atau anak kapal pada laluan tetap yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersial, atau sukan udara;
- Penggunaan alkohol, tanpa preskripsi atau penyalahgunaan dadah atau narkotik;
- Penyedutan racun, gas atau asap yang diambil sama ada secara sukarela atau tidak;
- Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) atau Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS); atau
- HUMK pada tahun pertama disebabkan oleh keadaan perubatan, yang wujud sebelum atau pada tarikh permulaan sijil takaful. Ini hanya terpakai kepada sijil penerimaan auto.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil takaful untuk pengecualian terperinci.

##### 8. Bolehkah saya membatalkan sijil ini?

Sekiranya kami menerima apa-apa notis pembatalan bertulis daripada anda selepas 15 hari apabila sijil takaful telah diterima oleh

anda, nilai serahan akan dibayar.

**9. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan kepada butir-butir peribadi saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan dalam mengenai butir-butir perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda dengan kadar segera. Sila tuliskan ke alamat kami di Etiqa Family Takaful Berhad (199301011506), Dataran Maybank, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, atau melalui faksimili 03-2297 3800 atau e-mel di [info@etiqam.com.my](mailto:info@etiqam.com.my), atau dengan menghubungi 03-2297 3888, atau Etiqa Oneline 1-300-88-6688, atau kunjungi [www.etiqam.com.my](http://www.etiqam.com.my).

**10. Dimanakah boleh saya memperolehi maklumat lanjut?**

Jika anda mempunyai pertanyaan atau memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi Khidmat Pelanggan Kumpulan Maybank di 1-300-88-6688, atau menulis kepada Etiqa Family Takaful Berhad, No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur; atau melalui faksimili 03-2297 3800, atau e-mel di [info@etiqam.com.my](mailto:info@etiqam.com.my), atau dengan menghubungi 03-2297 3888, atau Etiqa Oneline di 1-300-13-8888, atau kunjungi [www.etiqam.com.my](http://www.etiqam.com.my). Etiqa Family Takaful Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

**11. Lain-lain jenis perlindungan serupa yang boleh didapati?**

Sila rujuk kepada pengedar kami untuk lain-lain jenis perlindungan serupa yang ditawarkan.

**NOTA PENTING:**

**PENYERTAAN DALAM SIJIL TAKAFUL KELUARGA MERUPAKAN SUATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL YANG PALING SESUAI DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA JUGA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL TERSEBUT DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL KEWANGAN ATAU TERUS MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat dalam Helaian Pendedahan Produk ini sah pada <Issue Date>.